



PENGGOLONGAN KATA NAMA BERASASKAN INOVASI KaNAK

Oleh

USHA A/P NAGASUNDRAM

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

April 2024

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

PENGGOLONGAN KATA NAMA BERASASKAN INOVASI KaNAK

Oleh

USHA A/P NAGASUNDRAM

April 2024

Pengerusi : Profesor Vijayaletchumy Subramaniam, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji penguasaan huruf dalam kata nama am dan kata nama khas dalam kalangan murid bukan penutur jati bahasa Melayu. Pencapaian prestasi murid yang kurang stabil dalam penulisan bahasa Melayu dan kekurangan kajian terhadap penggunaan huruf dalam kata nama am dan kata nama khas memberi lompang kepada pengkaji menjalankan kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan huruf dalam KNA dan KNK serta menganalisis kesalahan huruf yang dilakukan oleh murid SJKT. Berdasarkan dapatan kajian objektif satu, pengkaji membangunkan sebuah modul dan kit inovasi sebagai bahan sokongan berasaskan kaedah pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 dalam membantu penguasaan huruf dalam KNA dan KNK serta akhir sekali menguji keberkesanan modul dalam kalangan murid dengan mengambil kira persepsi guru terhadap modul dan kit inovasi yang dihasilkan. Pelaksanaan ketiga-tiga objektif ini dengan mengaplikasikan pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan yang diperkenalkan oleh Richey dan Klein (2007) yang merangka proses pembangunan kepada tiga fasa yang tersusun bertepatan dengan objektif yang ditetapkan dalam kajian ini. Sampel

dalam kajian ini melibatkan 302 orang murid darjah 5 dari dua buah sekolah SJKT di negeri Selangor. Teori Analisis Kesalahan Corder (1981) digunakan untuk menganalisis kesalahan huruf yang dilakukan oleh murid dalam KNA dan KNK. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesalahan huruf dalam KNK mencapai sebanyak 1174 kesalahan dan para guru berpendapat bahawa pengaruh bahasa ibunda dan penguasaan kosa kata yang lemah menjadi punca utama kepada permasalahan ini. Seterusnya Teori Elaborasi Instruksional oleh Reigeluth dan Stein (1983) digunakan dalam proses pembangunan modul dengan menerapkan 7 komponen strategi yang ditekankan dalam teori ini. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan pengesahan kesepakatan pakar melalui kaedah *Fuzzy Delphi*. Keberkesanan modul diuji menggunakan kuasi eksperimen dalam kalangan murid darjah 5. Data dilaporkan dalam peratusan kekerapan dan Ujian-t digunakan untuk membandingkan skor ujian pra-pasca. Persepsi 50 orang guru terhadap modul dan kit inovasi mencatatkan pencapaian tahap positif dalam kebolehgunaan yang tinggi dalam PdPc. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembangunan modul dan kit inovasi berupaya memberikan impak yang berkesan dalam pembelajaran bahasa Melayu dan penguasaan kata nama am dan kata nama khas dengan pengaplikasian huruf yang tepat.

Kata Kunci: bahasa Melayu, huruf, kata nama am, kata nama khas, modul, murid SJKT

SDG: Goal 4: Pendidikan Berkualiti

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

NOUN CLASSIFICATION BASED ON KaNAK INNOVATION

By

USHA A/P NAGASUNDRAM

April 2024

Chairman : Professor Vijayaletchumy Subramaniam, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study examined the mastery of letters in common and proper nouns among students who are not native Malay speakers. The less stable performance of students in Malay writing and the lack of research on the use of letters in common nouns and proper nouns gave the researcher a gap to carry out this study. This study aims to identify the mastery of letters in common noun and proper noun and analyze the letter mistakes made by SJKT students. Based on the findings of the objective one study, the researcher developed a module and an innovation kit as support material based on the 21st-century teaching and learning methods to help the mastery of letters in common noun and proper noun and finally test the effectiveness of the module among students by considering the teacher's perception of the module and innovation kit produced. The implementation of these three objectives is by applying the Design and Development approach introduced by Richey and Klein (2007), which frames the development process into three phases that are arranged to coincide with the objectives set in this study. The sample in this study involved 302 5th-grade students from two SJKT schools in Selangor. Corder's Theory of Error Analysis (1981) analyzes letter

errors made by students in common noun and proper noun. The study's findings show that letter errors in proper noun reach as many as 1174 errors, and the teachers think that the influence of the mother tongue and poor vocabulary mastery are the leading causes of this problem. Next, the Instructional Elaboration Theory by Reigeluth and Stein (1983) is used in the module development process by applying the seven strategy components emphasized in this theory. Questionnaires were used to obtain confirmation of expert agreement through the Fuzzy Delphi method. The module's effectiveness was tested using a quasi-experiment among 5th-grade students. Data is reported in percentage frequency, and a t-test was used to compare pre-post test scores. The perception of 50 teachers towards innovation modules and kits recorded a positive achievement in high usability in PdPc. The results of the study show that the development of innovation modules and kits can effectively impact the learning of the Malay language and the mastery of common nouns and proper nouns by applying the correct letters.

Keywords: common noun, letters, Malay language, module, proper nouns, SJKT students

SDG: Goal 4: Quality Education

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Dr. Vijayaletchumy Subramaniam yang selama ini banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan, dan dorongan padu dalam menyelia penulisan tesis ini dari awal hingga sempurna. Penulisan ini pasti tidak dapat dihasilkan tanpa tunjuk ajar beliau yang penuh dengan kesabaran dan kesungguhan. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu Prof. Madya Dr. Salmah Jan Noor Mohammad dan Dr. Nor Azuwan Yaakob yang menyelia dan memberikan pandangan serta tunjuk ajar dalam menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Universiti Putra Malaysia.

Seterusnya, penghargaan ditujukan kepada guru besar SJK(T) Batu Caves dan SJK(T) Kajang, Selangor kerana memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang penyelidikan dijalankan. Saya turut merakamkan rasa penghargaan kepada Ketua Panitia Bahasa Melayu dan para guru Bahasa Melayu yang sudi meluangkan masa dan turut serta sebagai responden dalam menyempurnakan kajian ini.

Buat ibu dan ayah, terima kasih kerana menjaga dan mendidik saya sehingga menjadi manusia yang berguna. Buat adik-beradik tersayang, terima kasih atas sokongan padu yang diberikan. Kini, penat lelah sudah membuahkan hasilnya. Syukur.

Sahabat handai, rakan taulan, sahabat seperjuangan, rakan-rakan yang lain diucapkan ribuan terima kasih kerana kerjasama, bantuan, dorongan, dan semangat yang diberikan sepanjang pengajian ini dapat mengurangkan kesulitan dan kekangan dalam

segala aspek. Perkongsian ilmu yang kita bina amat berharga. Semoga segala usaha dan pengorbanan kita mendapat ganjaran yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

Berilmu Berbakti



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Salmah Jan binti Noor Mohammad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Nor Azuwan binti Yaakob, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Julai 2024

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI CARTA	xvii
SENARAI GAMBAR	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Kronologi: Perkembangan dan Peranan Bahasa Melayu	1
	Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25)	2
	Kurikulum Standard Sekolah Rendah	3
	Penerapan Bahasa Melayu Berdasarkan DSKP	5
	Pernyataan Masalah	8
	Objektif Kajian	15
	Persoalan Kajian	15
	Batasan Kajian	17
	Kepentingan Kajian	18
	Definisi Operasional	21
	Modul Celik Huruf	21
	Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua (B2)	21
	Penggolongan Kata Nama Am dan Kata Nama Khas	22
	Huruf Besar dan Huruf Kecil	23
2	SOROTAN KAJIAN	25
	Kajian Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua	25
	Kajian Analisis Kesalahan Bahasa	36
	Kajian Berasaskan Modul / Permainan	41
	Kajian tentang Pembelajaran Abad ke-21	46
	Perkaitan Sorotan Kajian dengan Kajian Pengkaji	49
3	METODOLOGI	55
	Reka Bentuk Kajian	55
	Kerangka Teori	58
	Teori Analisis Kesalahan Corder (1981)	58
	Teori Elaborasi	60
	Kerangka Konseptual Kajian	68
	Kaedah Kajian	69
	Kaji Selidik	69

Temu Bual	69
Pemerhatian	70
Pengujian	70
Lokasi Kajian	71
Populasi dan Persampelan Kajian	73
Alat Kajian	76
Borang Soal Selidik	76
Ujian Bertulis	79
Kit Inovasai Kata Nama Am dan Kata Nama Khas	80
Keunikan Modul dan Kit Inovasi Kata Nama Am dan Kata Nama Khas	83
Kesahan dan Kebolehgunaan Alat Kajian	89
Triangulasi Data	90
Tatacara Kajian	92
Kajian Rintis	92
Kajian Sebenar	95
Penganalisan Data	101
4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN	107
Analisis Demografi Kajian	107
Fasa 1: Dapatan Fasa Analisis Keperluan	110
Analisis Penguasaan Murid terhadap Penggunaan Huruf Besar dan Huruf Kecil dalam Kata Nama Am dan Kata Nama Khas	110
Rumusan Fasa 2	163
Fasa 3: Keberkesanan Modul Huruf dalam Kalangan Murid	164
Rumusan Fasa 3	175
Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	176
Implikasi Dapatan Kajian	180
Kebaharuan Kajian	182
5 RUMUSAN DAN CADANGAN	184
Rumusan	184
Cadangan	186
Cadangan Penyelidikan Selanjutnya	188
RUJUKAN	190
LAMPIRAN	207
BIODATA PELAJAR	223
SENARAI PENERBITAN	224

SENATAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Senarai Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Tatabahasa Mengikut Tahun	5
1.2 Analisis Prestasi Mata Pelajaran Gred 2016	9
1.3 Analisis Prestasi Mata Pelajaran Gred 2018 dan 2019	9
3.1 Komponen Bagi Jenis Reka Bentuk dan Pembangunan	57
3.2 Komponen Strategi Teori Elaborasi Instruksional	65
3.3 Ringkasan Kaedah Pengumpulan Data Setiap Fasa DDR	71
3.4 Bilangan Subjek Kajian	74
3.5 Jumlah Subjek Kajian Mengikut Sekolah dan Jantina	75
3.6 Kriteria Pakar Yang Dipilih dalam Kajian Menggunakan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	76
3.7 Skala Likert dan Skala <i>fuzzy</i> 7 Mata	78
3.8 Pelaksanaan Kajian untuk Pembangunan Modul Huruf dalam Kata Nama untuk Murid	99
3.9 Proses Pelaksanaan Kajian	100
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	107
4.2 Profil Guru	108
4.3 Maklumat Demografi Pakar	109
4.4 Jumlah Subjek Kajian Mengikut Kelas dan Kumpulan	110
4.5 Interpretasi Skor Min	111
4.6 Tahap Persepsi Murid terhadap Penggunaan Huruf Besar dan Huruf Kecil Secara Keseluruhan	111
4.7 Persepsi Murid terhadap Penggunaan Huruf Besar dan Huruf Kecil	112
4.8 Kesalahan Kata Nama	118
4.9 Kesalahan Kata Nama Am	119
4.10 Kesalahan Kata Nama Khas	122

4.11	Prestasi Murid Mengikut Perspektif Guru	128
4.12	Penilaian Guru terhadap Penggunaan Huruf Besar dan Huruf Kecil	130
4.13	Keperluan Modul Kata Nama	131
4.14	Pendedahan Kata Nama Am dan Kata Nama Khas di SJK	136
4.15	Item Soal Selidik <i>Fuzzy Delphi Method</i>	143
4.16	Nilai <i>Threshold</i> dan Peratusan Persepakatan Pakar Item Bahagian A	144
4.17	Lampiran Kandungan Modul Huruf dalam Kata Nama	145
4.18	Nilai <i>Threshold</i> dan Peratusan Persepakatan Pakar Item Bahagian B	146
4.19	Lampiran Konsep Kata Nama am dan Kata Nama Khas	147
4.20	Keberkesanan Modul Huruf dalam Kata Nama	148
4.21	Lampiran Keberkesanan Modul Huruf dalam Kata Nama	149
4.22	Penilaian Kad KaNAK	150
4.23	Lampiran Penilaian Kad KaNAK	151
4.24	Penilaian Inovasi Jenga KaNAK	152
4.25	Lampiran Penilaian Inovasi Jenga KaNAK	153
4.26	Pandangan / Komen Pakar terhadap Modul Prototaip	155
4.27	Penambahbaikan Modul Berdasarkan Cadangan Pakar	156
4.28	Kandungan Modul Berdasarkan Teori Elaborasi	163
4.29	Keputusan Ujian-t bagi Perbandingan Ujian Pra dan Pasca antara Kumpulan Darjah 5	165
4.30	Tahap Persepsi Guru terhadap Modul dan Pembangunan Inovasi	166
4.31	Persepsi Guru tentang Modul dan Inovasi Huruf dalam Kata Nama	167
4.32	Tahap Persepsi Murid terhadap Modul	171
4.33	Persepsi Murid terhadap Modul dan Inovasi Huruf dalam Kata Nama	171

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
3.1 Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder (1981)	59
3.2 Model Elaborasi Adaptasi daripada Rahman (2019)	61
3.3 Kerangka Konseptual Kajian	68
3.4 Penerapan Kemahiran dalam Inovasi	84
3.5 Triangulasi Kaedah Pengumpulan Data Adaptasi dari Lexy (2007)	91
3.6 Penyertaan Guru dalam Program Bual Bicara	92
4.1 Petikan Pemahaman “Percutian ke Langkawi”	117
4.2 Kesalahan Kata Nama	118
4.3 Kesalahan Kata Nama Am	119
4.4 Kesalahan Kata Nama Am – Manusia	120
4.5 Kesalahan Kata Nama Am – Binatang	121
4.6 Kesalahan Kata Nama Am – Benda	121
4.7 Kesalahan Kata Nama Khas	123
4.8 Kesalahan Kata Nama Khas – Manusia	123
4.9 Kesalahan Kata Nama Khas – Binatang	124
4.10 Kesalahan Kata Nama Khas – Tempat	125
4.11 Kata Nama Khas – Benda	126
4.12 Prestasi Murid Mengikut Perspektif Guru	129
4.13 Penilaian Guru terhadap Penggunaan Huruf Besar dan Huruf Kecil	130
4.14 Keperluan Modul Kata Nama	132
4.15 Pembahagian Kata Nama Am	138
4.16 Pembahagian Kata Nama Khas	138
4.17 Pembahagian KNK dan KNA dalam Buku Teks Bahasa Melayu SJK	138
4.18 Strategi Urutan Berbentuk Topik Adaptasi daripada Hwa (2018)	141



SENARAI CARTA

Carta	Muka surat
3.1 Perincian Huruf dalam Buku Teks	93
3.2 Penguasaan Huruf dalam Kalangan Murid	93
3.3 Keperluan Pembangunan Inovasi	94



SENARAI GAMBAR

Gambar	Muka surat
3.1 SJK(T) Batu Caves	73
3.2 SJK(T) Kajang	73
3.3 Kad KaNAK	82
3.4 Jenga KaNAK	82



SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
KNA	Kata Nama Am
KNK	Kata Nama Khas
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SKBM	Standard Kurikulum Bahasa Melayu
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PdP	Pengajaran dan pembelajaran
PdPc	Pengajaran dan Pemudah cara
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris
MBM	Memartabatkan Bahasa Melayu
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
DDR	Pendekatan Penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan
ETI	Teori Elaborasi Instruksional
KaNAK	Kata Nama Am dan Kata Nama Khas
FDM	<i>Fuzzy Delphi Method</i>
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
SPSS	Statistical Program for Social Science
KPBM	Kit Pembelajaran Bahasa Melayu

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Kronologi: Perkembangan dan Peranan Bahasa Melayu

Salah satu negara yang terdiri daripada pelbagai bangsa, agama dan keturunan ialah Malaysia. Antara tiga kaum utama yang dipercayai telah mendiami Tanah Melayu sejak lima abad ialah kaum Melayu, Cina dan India serta diikuti oleh kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Kerjasama ketiga-tiga kaum ini yang diwakili oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lok dan Tun Sambanthan telah memainkan peranan sangat penting dalam usaha membebaskan Tanah Melayu daripada penaklukan British pada abad 50-an. Satu-satunya bahasa yang menyatupadukan ketiga-tiga kaum utama dalam mencapai hasrat kemerdekaan ialah bahasa Melayu yang secara berperingkat telah diangkat martabatnya sebagai bahasa identiti dalam membina sebuah negara bangsa (Kamil dan Mohamad, 2020). Pada dasarnya, bahasa Melayu bukan hanya berfungsi sebagai alat komunikasi dalam kalangan masyarakat di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik dan kaum yang memiliki bahasa tersendiri, malah bahasa Melayu juga berperanan sebagai alat perpaduan yang menjadi alat pengukur dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu.

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan mengetengahkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan harus digunakan dalam semua urusan rasmi kerajaan, termasuk undang-undang, manakala masyarakat bukan Melayu bebas untuk menggunakan bahasa masing-masing. Nilai dan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa pengantar telah diberikan melalui pengenalan

dan pengaplikasian dasar ini. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dapat dilihat dalam sistem pendidikan malah secara tidak langsung memupuk perpaduan kaum dalam kalangan rakyat Malaysia.

Pada peringkat awal, Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, dan Akta Pendidikan 1996 merupakan enakmen dan laporan yang berfungsi secara berperingkat dalam memperjuangkan serta mewajibkan peranan bahasa Melayu sebagai salah satu komponen penting dalam sistem pendidikan di semua sekolah dan institusi di Malaysia. Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar secara khususnya telah diangkat darjatnya sebagai bahasa merentas kurikulum meliputi semua aspek disiplin ilmu.

Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25)

Program TS25 merupakan sebahagian daripada usaha KPM ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti dengan mengaplikasikan amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepemimpinan serta pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Konsep TS25 merupakan satu usaha ke arah melahirkan modal insan unggul dengan menitikberatkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, pelibatan pembelajaran murid yang aktif, disokong kepemimpinan yang berkualiti serta berwawasan, guru yang kompeten dan beraspirasi tinggi serta komitmen komuniti yang padu.

Pengamalan TS25 dengan harapan dapat melihat kemenjadian murid daripada pembelajaran yang bermakna berasaskan DSKP sebagai panduan umum untuk

menghasilkan pedagogi yang berkesan dan akhirnya diuji dalam bentuk pentaksiran. Hal ini menjurus kepada kesediaan para guru dalam menyediakan pengajaran yang bermakna berbantuan bahan bantu mengajar yang menyeronokkan. Maka, sekolah yang berkualiti harus memberikan perhatian terhadap persekitaran pembelajaran yang kondusif dengan bantuan pelbagai pihak seperti guru, ibu bapa dan juga komuniti supaya dapat mencapai hasrat kemenjadian murid.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 memberikan saranan agar KSSR pada tahun 2011 yang telah dilaksanakan supaya disemak semula dengan menambahkan penekanan dalam penguasaan kemahiran abad ke-21, iaitu pemikiran kritis, kreatif, dan inovatif serta penyelesaian masalah dan juga dari segi kepemimpinan untuk membolehkan murid bersaing pada peringkat antarabangsa. Dalam pada itu, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dalam semakan 2017 merupakan Kurikulum Kebangsaan yang digunakan oleh semua sekolah rendah di Malaysia dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan dan pelaksanaan KSSR ini berpandukan DSKP, iaitu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Motif utama penggubalan Standard Kurikulum Bahasa Melayu (SKBM), untuk membawa perubahan dalam diri murid dengan memberikan keutamaan pada aspek kemahiran untuk berbahasa dalam bahasa Melayu.

Murid yang berkebolehan untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu berupaya memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai, dan idea serta dapat membentuk hubungan sosial yang baik dalam kehidupan harian. Perkaitan yang disampaikan sebagai motif SKBM dapat dilihat dalam

kalangan pelajar yang perlu mengaplikasikan bahasa Melayu dalam semua mata pelajaran dalam menimba ilmu pengetahuan. Seterusnya, penstrukturan SKBM dibangunkan dengan mengaplikasikan pendekatan modular dalam usaha untuk melihat keberkesanan penguasaan berbahasa. Modular dibahagikan kepada lima sub modul berfokuskan pada Modul Mendengar dan Bertutur, Modul Membaca, Modul Menulis dan Modul Seni Bahasa, dan Modul Tatabahasa. Kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis diterapkan dalam empat modul yang asas manakala Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa untuk memperkukuh kecekapan berbahasa dengan mengapikasi kemahiran yang dipelajari dalam modul sebelumnya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

Memandangkan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus pada kemahiran literasi dan aplikasi bahasa. Kemahiran asas literasi memberikan penekanan kepada murid-murid tahap I untuk menguasai sepenuhnya asas kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis serta dilaksanakan sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran (PDP) secara terancang. Pada tahap II pula, pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu memberikan penekanan kepada pengukuhan literasi dan aplikasi kemahiran bahasa supaya mereka lebih berketerampilan berbahasa dalam bentuk lisan dan bertulis.

Melalui penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur, murid-murid dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan, manakala melalui kemahiran membaca juga murid dapat meningkatkan kosa kata, memperoleh dan memproses maklumat serta dapat memupuk minat membaca. Penguasaan kemahiran menulis dapat mengaplikasikan maklumat dalam pelbagai bentuk penulisan untuk

menyampaikan idea. Fokus juga diberikan dalam penguasaan tatabahasa yang baik untuk membantu murid-murid berkomunikasi dengan menggunakan sistem bahasa yang betul dan menghasilkan penulisan yang berkualiti dan kreatif. Manakala dalam aspek seni bahasa pula, murid dapat mengapresiasi keindahan bahasa Melayu melalui pelbagai teknik kemahiran bahasa yang santai dan menyeronokkan.

Penerapan Bahasa Melayu Berdasarkan DSKP

Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Bahasa Melayu bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), setiap murid SJK diwajibkan untuk menguasai golongan kata yang ditetapkan seperti yang disenaraikan dalam jadual berikut.

Jadual 1.1 : Senarai Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Tatabahasa Mengikut Tahun

Tahun	Standard Kandungan (Aspek Tatabahasa)	Standard Pembelajaran (Aspek Tatabahasa)
1	Memahami fungsi dan menggunakan golongan kata mengikut konteks	5.1.1 Memahami dan mengenal pasti penggunaan golongan kata mengikut konteks. (i) kata nama am (ii) kata nama khas (iii) kata ganti nama diri pertama dan kedua (iv) penjodoh bilangan
2	Memahami fungsi dan menggunakan golongan kata mengikut konteks.	5.1.1 Memahami dan mengenal pasti penggunaan golongan kata mengikut konteks. (i) kata nama am (ii) kata nama khas (iii) kata ganti nama (iv) penjodoh bilangan
3	Memahami fungsi dan menggunakan golongan kata mengikut konteks.	5.1.1 Memahami dan mengenal pasti penggunaan golongan kata mengikut konteks. (i) kata nama am (ii) kata nama khas (iii) kata ganti nama (iv) penjodoh bilangan

Jadual 1.1 : Sambungan

4	Memahami fungsi dan menggunakan golongan kata mengikut konteks.	5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama dalam konteks tidak formal. (i) kata nama am (ii) kata nama khas (iii) kata ganti nama (iv) penjodoh bilangan
5	Memahami dan menggunakan golongan kata mengikut konteks.	5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama mengikut konteks. (i) kata nama am (ii) kata nama khas (iii) kata ganti nama (iv) penjodoh bilangan
6	Memahami dan menggunakan golongan kata dengan betul mengikut konteks.	5.1.1 Memahami dan menggunakan pelbagai kata nama am dan penjodoh bilangan mengikut konteks dengan betul. 5.1.2 Memahami dan menggunakan pelbagai kata nama khas mengikut konteks dengan betul.

(Sumber: Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Bahasa Melayu (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Rendah semakan 2017)

Berdasarkan jadual 1, murid-murid pada tahap 1, iaitu darjah 1, 2 dan 3 harus memahami dan mengenal pasti penggunaan golongan kata yang terdiri daripada kata nama am, kata nama khas, kata ganti nama dan penjodoh bilangan dengan konteks yang betul. Seterusnya, murid pada tahap 2, bermula darjah 4 perlu memahami dan menggunakan kata nama dalam konteks tidak formal. Manakala darjah 5 harus memahami dan menggunakan kata nama mengikut konteks dan akhir sekali, murid darjah 6 harus memahami dan menggunakan pelbagai kata nama am dan kata nama khas mengikut konteks dengan betul. Secara umumnya, pengajaran dan pendedahan golongan kata berlaku bermula pada darjah 1, iaitu dengan memahami dan mengenal pasti kata nama diikuti mengaplikasi kata nama am dan kata nama khas dalam konteks yang betul pada peringkat darjah 6.

Seterusnya, dalam sistem bahasa selain aspek tatabahasa yang meliputi aspek morfologi dan sintaksis diberikan penekanan, malah tanda baca turut menjadi satu elemen penting dalam penilaian dan penguasaan kemahiran bahasa Melayu. Pengaruh dan penggunaan tanda baca ditumpukan pada komunikasi bertulis dan bacaan mekanis supaya dapat menyampaikan mesej dengan berkesan dan teliti. Komponen tanda baca yang harus dikuasai oleh murid-murid ialah noktah, koma, koma bernoktah, noktah bertindih, sempang, tanda soal, tanda seru, tanda petik, tanda kurungan, huruf kecil, huruf besar dan italik. Hal ini menunjukkan bahawa penekanan terhadap huruf besar dan huruf kecil hanya diberikan secara umum walaupun peranan huruf memainkan peranan penting dalam penulisan bahasa Melayu. Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui kajian-kajian lepas oleh Kihob et al. (2020), Mahamod et al. (2021) dan Chelliah dan Othman (2022).

Salah satu peranan huruf yang mutlak dapat dilihat dalam aspek kata nama am dan kata nama khas. Murid-murid seharusnya tahu untuk membezakan KNA dan KNK berdasarkan konsep dan juga memahami penggunaan huruf besar dan huruf kecil yang tepat bagi kedua-dua KNA dan KNK dalam aspek penulisan. Kegagalan murid dalam penguasaan golongan kata yang asas, iaitu kata nama am dan kata nama khas disebabkan kekeliruan murid terhadap penggunaan huruf yang tepat bagi komponen KNA dan KNK (Rosly dan Mokhtar, 2023). Maka, tumpuan dalam kajian ini akan diberikan pada aspek golongan kata nama, iaitu kata nama am dan kata nama khas dari segi penggunaan huruf besar dan huruf kecil. Hasil kajian dapat membuktikan kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum dalam mencorak kurikulum yang baharu dengan memasukkan elemen huruf dalam penguasaan kata nama am dan kata nama khas.

Pernyataan Masalah

Kekeliruan murid terhadap penggunaan huruf menjadi punca utama murid-murid tidak dapat mencapai keputusan yang baik dalam penulisan. Berdasarkan Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah, Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) dan (2019), prestasi murid bukan penutur jati bahasa Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menunjukkan pencapaian yang tidak konsisten. Penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan menjadi salah satu faktor kepada permasalahan ini. Hal ini dapat dilihat pada prestasi murid pada 2016 menunjukkan dengan jelas bahawa peratus gagal dalam kertas penulisan, iaitu 18.2% adalah hampir sama dengan peratus murid memperoleh A, iaitu 19.2%. Meneliti pada aspek pemahaman pula, terdapat 10.7% murid yang gagal dalam kertas ujian pemahaman bahasa Melayu.

Berdasarkan Analisis Prestasi Mata Pelajaran Gred pada tahun 2018 dan 2019 didapati bahawa prestasi murid sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina menurun dan tidak konsisten dari aspek pencapaian. Teo (2019) juga mengatakan bahawa penguasaan bahasa dalam kalangan murid Cina dan India pada tahap yang kurang memuaskan. Permasalahan dalam pencapaian prestasi yang memuaskan dalam kalangan murid SJK telah banyak dikaji oleh pengkaji lain. Salah satu faktor yang dikesan ialah tahap profisiensi mempengaruhi pencapaian akademik (Nahar, 2020 dan Nahar dan Rahman, 2018). Kemahiran asas dalam penguasaan sesuatu bahasa melibatkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis merupakan antara kemahiran yang sangat penting (Rahman dan Kiram, 2015).

Jadual 1.2 : Analisis Prestasi Mata Pelajaran Gred 2016

Kertas Peperiksaan	Pencapaian Calon (%)					Bilangan Duduki	GPMP
	A	B	C	D	E		
Bahasa Melayu - Pemahaman (SK)	23.8	35.5	21.7	13.5	5.5	338,571	2.41
Bahasa Melayu - Penulisan (SK)	24.1	26.2	26.6	17.0	6.1	338,602	2.55
Bahasa Melayu - Pemahaman (SJK)	15.7	24.5	23.7	25.4	10.7	101,903	2.91
Bahasa Melayu - Penulisan (SJK)	19.2	18.5	24.8	19.3	18.2	101,906	2.99
Bahasa Inggeris - Pemahaman (SK)	12.1	19.9	22.3	28.3	17.4	337,633	3.19
Bahasa Inggeris - Penulisan (SK)	6.8	11.6	22.9	35.8	22.9	337,669	3.57
Bahasa Inggeris - Pemahaman (SJK)	21.2	24.3	20.6	21.8	12.1	102,891	2.80
Bahasa Inggeris - Penulisan (SJK)	11.7	16.7	24.7	25.5	21.4	102,896	3.28
Bahasa Cina - Pemahaman	15.7	30.5	21.4	19.2	13.2	88,214	2.84
Bahasa Cina - Penulisan	21.9	24.5	28.9	13.3	11.4	88,226	2.68
Bahasa Tamil - Pemahaman	18.1	31.9	23.5	16.0	10.5	14,643	2.69
Bahasa Tamil - Penulisan	26.8	35.4	20.3	8.7	8.8	14,651	2.37

Jadual 2: Analisis Prestasi Mata Pelajaran Bahasa

(Sumber: <https://www.bumigemilang.com/analisis-pencapaian-calon-peperiksaan-upsr-2016/analisis-keputusan-upsr-2016-2/>)

Jadual 1.3 : Analisis Prestasi Mata Pelajaran Gred 2018 dan 2019

Kod & Nama Mata Pelajaran	Tahun	Peratus					Bilangan Calon
		A	B	C	D	Mencapai (A → D)	
011 - Bahasa Melayu-Pemahaman	2019	26.91	30.29	26.66	12.74	96.60	3.40
	2018	26.99	29.95	25.68	13.28	95.90	4.10
012 - Bahasa Melayu-Penulisan	2019	29.39	32.27	20.60	13.07	95.33	4.67
	2018	25.96	31.44	24.10	13.14	94.64	5.36
013 - Bahasa Inggeris-Pemahaman	2019	11.56	19.68	23.19	30.70	85.13	14.87
	2018	12.55	19.32	22.33	28.91	83.11	16.89
014 - Bahasa Inggeris-Penulisan	2019	11.54	8.86	21.04	35.22	76.66	23.34
	2018	11.18	7.02	20.17	36.18	74.55	25.45
015+025+035 - Matematik	2019	19.43	16.84	16.63	30.23	83.13	16.87
	2018	18.22	15.52	16.96	29.80	80.50	19.50
018+028+038 - Sains	2019	9.76	30.53	35.95	20.33	96.57	3.43
	2018	10.31	31.25	33.77	20.79	96.12	3.88
021 & 031 - Bahasa Melayu-Pemahaman	2019	14.77	24.02	24.00	26.90	89.69	10.31
	2018	17.71	24.35	23.06	24.69	89.81	10.19
022 & 032 - Bahasa Melayu-Penulisan	2019	25.39	16.04	28.84	17.47	87.74	12.26
	2018	23.36	17.24	28.41	17.20	86.21	13.79

(Sumber: Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah 2019, Kementerian Pendidikan Malaysia.)

Secara rincinya, analisis kesalahan bahasa dari aspek penulisan juga menjadi tumpuan para pengkaji. Hal ini dikatakan demikian kerana, tatabahasa menjadi tonggak dalam penguasaan bahasa Melayu. Analisis kesalahan dari segi morfologi yang melibatkan pemilihan dan penggunaan kata serta aspek sintaksis juga dilihat sebagai permasalahan yang mempengaruhi murid-murid untuk menghasilkan penulisan yang gramatis. Penutur bukan jati bahasa Melayu seharusnya mempunyai kemahiran bertutur untuk memastikan bahawa pemerolehan bahasa dapat dicapai dengan jayanya. Maka, untuk mencapai profesiensi bahasa yang baik dan efektif, fokus utama diberikan kepada sekolah yang menjalankan pembelajaran secara formal.

Penutur bukan jati bahasa Melayu ada yang berupaya untuk bertutur dengan fasih dalam bahasa Melayu, tetapi mereka tidak semestinya dapat menghasilkan penulisan yang cemerlang (Ali et al. 2021). Isu ini kerap menjadi topik kajian bagi pengkaji lain, seperti Chew dan Amir (2023) dan Jamian (2021). Namun demikian, aspek yang sering diberikan tumpuan ialah imbuhan, dan pemilihan kata. Hal ini dapat dilihat pada kajian Tenggek dan Shaid (2023), Magesvaran et al (2021), Melai dan Abidin (2020) dan Kihob dan Mahali (2020). Sebenarnya, permasalahan yang harus diperhalusi ialah penguasaan kata nama terutamanya dalam aspek penggunaan huruf besar dan huruf kecil.

Penggunaan huruf dalam kata nama juga merupakan kekeliruan yang masih tidak dapat dikuasai oleh murid-murid. Kemahiran menulis memainkan peranan yang sangat penting untuk menyampaikan idea atau informasi. Peraturan yang asas ialah huruf bagi perkataan pertama dalam ayat harus dimulakan dengan huruf besar dan diakhiri dengan tanda baca yang bersesuaian sama ada noktah, koma, tanda soal

mahupun tanda seru (Patekar, 2020). Hal ini dikatakan demikian kerana, penulisan yang kurang gramatis dari aspek tanda baca yang meliputi huruf besar dan huruf kecil tidak dapat menyampaikan informasi yang jelas kepada pembaca. Walaupun murid-murid telah diberi pendedahan penggunaan huruf besar dan huruf kecil bermula di prasekolah, tetapi pengaplikasian huruf dalam penulisan masih membimbangkan pelbagai pihak (Vendrick dan Mahamod, 2019).

Tambahan pula, perkembangan teknologi telah menjadikan telefon pintar satu keperluan asas dalam kehidupan masyarakat. Penggunaan bahasa rancu dalam telefon pintar turut menyumbang kepada pencemaran bahasa yang dapat dilihat dari aspek kesalahan ejaan dan morfologi, percampuran bahasa, dan penggunaan singkatan (Faizal et al. 2022). Faktor-faktor ini memberikan kesan dalam penguasaan kata nama am dan kata nama khas dalam kalangan murid. Kesalahan penggunaan huruf turut dikaji dalam pengkhususan kajian ortografi oleh Rosly dan Mukhtar (2023), Baharum et al. (2022), dan Melai dan Abidin (2020). Perbincangan ini masih kurang diambil berat dan kurang memberikan kesan kepada penguasaan huruf dalam kalangan murid.

Di samping itu, golongan kata yang terbahagi kepada kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata tugas merupakan komponen asas dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Melayu. Pemahaman murid yang cetek terhadap golongan kata memberikan ruang kepada kegagalan aspek penulisan dan pemahaman bahasa Melayu. Penelitian terhadap kajian lepas lebih berfokus pada kata sendi, kata kerja, kata pemerai dan kata hubung, manakala kata nama kurang diambil maklum oleh pengkaji. Pembahagian golongan kata telah pun menunjukkan penetapan jenis golongan kata yang harus dikuasai mengikut susunan. Kata nama merupakan pembahagian pertama dalam

golongan kata yang dibahagikan kepada kata nama am, kata nama khas dan kata ganti nama. Berdasarkan kandungan Buku Teks Bahasa Melayu, pendedahan kata nama am dan kata nama khas bermula dari darjah 1 hingga darjah enam tetapi dari aspek penjelasan hanya diberikan dalam dua muka surat. Sekiranya, tidak ada teknik pengulangan maka murid-murid tidak dapat memahami konsep kata nama am dan kata nama khas dengan jelas.

Pernyataan ini turut seiring dengan pendapat Hashim dan Wahid (2018), walaupun berlakunya pengajaran kata nama bermula di darjah satu, namun murid-murid masih tidak dapat menguasai kata nama dengan baik. Komponen kata nama am dan kata nama khas yang terdiri daripada lima aspek diterangkan dalam buku teks darjah 1 pada muka surat 12 dan tidak dijelaskan pada darjah seterusnya. Pemahaman yang utuh hanya dapat dikuasai melalui pembelajaran yang formal di sekolah, namun pendedahan yang asas kurang diberikan tumpuan terutama dalam kalangan penutur bukan jati bahasa Melayu maka akan berlaku keciciran ilmu dalam kalangan murid bukan Melayu.

Justeru, kajian rintis juga telah dijalankan dalam kalangan pelajar pada peringkat sekolah rendah dan juga di kolej. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir 54% daripada sampel kajian masih melakukan kesalahan ejaan dalam aspek pertukaran huruf, pengguguran huruf dan penambahan huruf (Nagasundram et al, 2022). Sampel kajian berlatarbelakangkan kaum Cina dan lepasan sekolah antarabangsa. Di samping itu, kajian rintis yang dijalankan dalam kalangan murid SJK(T) Ladang Emerald pula menunjukkan bahawa murid darjah 5 masih kurang memahami komponen kata nama am dan kata nama khas, dan menyebabkan mereka tidak dapat menggunakan huruf

yang tepat semasa menyenaraikan contoh bagi setiap komponen. Ayob et al. (2022) juga menyatakan bahawa pelajar masih lemah dari segi pemilihan kata, iaitu sukar untuk menggunakan perkataan yang sesuai dalam menyampaikan sesuatu idea. Manakala Mat dan Shaid (2023) pula berpendapat bahawa pengetahuan yang sedikit terhadap hukum tatabahasa juga salah satu faktor pelajar kurang mahir dalam bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran menulis sebuah karangan yang baik dalam kalangan pelajar masih kabur kerana salah satu faktornya ialah pendedahan dan penjelasan terhadap kata nama am dan kata nama khas khas yang juga merupakan hukum tatabahasa kurang diberikan penekanan sejak peringkat rendah.

Minat murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu juga mempengaruhi penguasaan kemahiran menulis dalam bahasa Melayu. Amalan pelajar bukan penutur jati bahasa Melayu dari aspek pertuturan adalah berfokuskan penggunaan bahasa ibunda sama ada bahasa Mandarin oleh masyarakat Cina atau bahasa Tamil oleh masyarakat India. Selain bahasa ibunda, murid-murid Cina dan India didapati menguasai bahasa Inggeris dengan baik (Hedzir et al, 2022). Kaedah pengajaran yang menarik dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris meningkatkan minat mereka terhadap pembelajaran subjek tersebut (Hushaini et al., 2022 dan Peng et al., 2021). Hal ini membuktikan bahawa kaedah pengajaran guru boleh mempengaruhi minat murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Pendapat yang sama turut dinyatakan oleh Zubir et al. (2019), Peng (2016), Jamian (2016) dan Yunos (2016). Pembelajaran secara konvensional kurang memberikan impak dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, para guru harus mempraktikkan gaya pembelajaran yang berkesan supaya murid-murid dapat meningkatkan minat dan motivasi untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Pengkaji turut mendapati bahawa bahan rujukan untuk kata nama am dan kata nama khas secara khusus kurang di pasaran. Komponen kata nama am dan kata nama khas yang diajar secara formal di sekolah berfokus pada orang, binatang, benda, tempat dan tumbuhan, tetapi buku rujukan mahupun dalam Tatabahasa Dewan komponen KNA dan KNK yang dijelaskan berbeza daripada buku teks. Hal ini bukan sahaja menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pembaca malah berpotensi untuk murid-murid mengelakkan diri daripada menguasai KNA dan KNK kerana mereka berasa sukar untuk memahami konsep yang diberikan. Pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa selain bahasa ibunda mereka memerlukan bahan rujukan yang mudah dirujuk dan buku aktiviti yang berupaya meningkatkan penguasaan mereka (Ali dan Othman, 2018). Tambahan pula bahan rujukan juga dapat digunakan oleh para guru semasa PdPc (Lambri dan Mahamod, 2019).

Keperluan untuk membangunkan modul KNA dan KNK juga mendapat sokongan daripada 358 orang guru yang mengajar bahasa Melayu di Malaysia melalui satu Program Bual Bicara Kata Nama yang diadakan secara dalam talian pada 2021. Hal ini membuktikan bahawa keperluan modul KNA dan KNK digalakkan dalam kalangan tenaga pengajar. Setelah meneliti dan menyedari jurang kajian ini, maka keperluan untuk menghasilkan satu modul khusus untuk kata nama am dan kata nama khas adalah penting supaya murid-murid dapat memahami hukum tatabahasa yang asas. Penghasilan modul juga harus dikaji dari segi keberkesanan dalam kalangan murid dan guru supaya kandungan yang diberikan dapat membantu pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di sekolah.

Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mengkaji penguasaan murid terhadap huruf dalam kata nama am dan khas serta mereka bentuk dan membangunkan sebuah modul kata nama yang memberikan penekanan khusus pada penggunaan huruf kecil dan huruf besar dalam kata nama am dan kata nama khas. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan tiga objektif berdasarkan tiga fasa dalam pembangunan sebuah modul.

1. mengenal pasti kesalahan huruf kecil dan huruf besar dalam kata nama am dan kata nama khas dalam kalangan murid SJK(T);
2. membangunkan modul Celik Huruf Kata Nama Am dan Kata Nama Khas berdasarkan pendekatan DDR Richey dan Klein (2007);
3. menguji keberkesanan modul Celik Huruf dalam KNA dan KNK dalam kalangan murid darjah 5.

Persoalan Kajian

Kajian ini menggariskan tiga fasa penting dalam membangunkan atau menghasilkan sebuah produk. Menurut Richey dan Klein (2007), pendekatan Penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan (DDR) merupakan satu kajian yang amat teratur dalam menangani sesuatu masalah. Maka, persoalan kajian ini berdasarkan tiga fasa yang diketengahkan dalam pendekatan DDR dan melibatkan objektif kajian ini seperti berikut.

Persoalan Fasa 1 (Analisis keperluan)

1. Apakah persepsi murid terhadap kata nama am dan kata nama khas?
2. Apakah tahap penguasaan murid terhadap penggunaan huruf dalam kata nama am dan kata nama khas?

3. Apakah faktor yang menyumbang kepada kelemahan murid dalam penguasaan huruf dalam KNA dan KNK dari perspektif guru?

Persoalan Fasa 2 (Reka bentuk dan pembangunan modul)

1. Apakah komponen kata nama am dan kata nama khas yang diterapkan dalam buku teks SJKT?
2. Apakah teori yang sesuai dalam pembangunan modul huruf dalam KNA dan KNK?
3. Apakah kandungan modul huruf dalam KNA dan KNK yang sesuai menurut pandangan pakar?
4. Apakah tahap keberkesanan modul dan inovasi huruf dalam KNA dan KNK dalam kalangan murid?
5. Apakah kesepakatan pakar terhadap modul dan inovasi yang dihasilkan dalam pembelajaran KNA dan KNK?

Persoalan Fasa 3 (Penilaian kebolehgunaan)

1. Apakah tahap signifikan pencapaian antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?
2. Apakah persepsi guru terhadap modul huruf dan inovasi huruf dalam KNA dan KNK semasa proses pengajaran dan pembelajaran?
3. Apakah persepsi murid terhadap modul dan inovasi huruf dalam KNA dan KNK semasa proses pembelajaran?

Batasan Kajian

Pengkaji telah menetapkan beberapa batasan dalam kajian ini.

i. Batasan Kajian Objektif 1

Berdasarkan objektif 1, pengkaji akan mengenal pasti kesalahan huruf besar dan huruf kecil dalam kata nama am dan kata nama khas. Kajian ini dibataskan kepada murid cemerlang dan murid sederhana tahun 5 SJKT Batu Caves dan SJKT Kajang yang berkemahiran untuk membaca, menulis, dan bertutur dalam bahasa Melayu. Tujuan pemilihan murid cemerlang dan sederhana, untuk mendapatkan maklumat dan data yang sahih supaya dapat membantu menghasilkan kajian yang berkesan. Kajian ini juga dibataskan kepada pengujian penggunaan huruf kecil dan huruf besar dalam kata nama am dan kata nama khas. Dalam usaha untuk menganalisis penguasaan murid terhadap kata nama am dan kata nama khas, kajian ini menggunakan teori Analisis Kesalahan Corder (1981) untuk menganalisis kesalahan yang dilakukan oleh murid-murid dari aspek penggunaan huruf. Proses pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan set ujian dan borang soal selidik dan kredibiliti kesahan soal selidik, ujian pra dan pasca borang soal selidik disahkan dengan nilai Cronbach Alpha dan pakar bahasa.

ii. Batasan Kajian Objektif 2

Objektif 2 dalam kajian ini melibatkan reka bentuk dan pembangunan modul yang mengaplikasikan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) oleh Richey dan Klein (2007). Kajian pembangunan ini terdiri daripada 3 fasa, iaitu fasa analisis keperluan, fasa kedua ialah fasa reka bentuk dan pembangunan, dan fasa 3 ialah fasa menguji keberkesanan pembangunan. Jenis pendekatan dalam DDR

melibatkan 2 cara, iaitu jenis 1 lebih bersifat intruksional manakala jenis 2 adalah lebih kepada perbandingan antara modul atau model. Maka, kajian ini memilih untuk mengaplikasi DDR jenis 1 yang berfokus kepada fasa pembangunan sebuah modul. Kandungan dalam modul ini tertumpu pada aspek penguasaan huruf dalam kata nama am dan kata nama khas. Seterusnya, pembangunan modul dalam kajian ini bersandarkan Teori Elaborasi (1983). Penilaian modul menerusi kesepakatan pakar yang melibatkan 20 orang pakar dalam bidang bahasa Melayu.

iii. Batasan Kajian Objektif 3

Objekti 3 kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan modul dan kit inovasi yang dihasilkan untuk menguasai huruf dalam kata nama am dan kata nama khas. Kajian kuasi eksperimental praujian dan pascaujian merangkumi dua kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan yang membantu pengkaji untuk menguji keberkesanan modul. Tiga jenis instrumen kajian yang digunakan dalam kajian, iaitu borang soal selidik, ujian penilaian modul dan inovasi huruf dalam kata nama. Kesemua alat kajian ini sesuai digunakan untuk mengira dan menilai pembangunan modul dengan berkesan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan untuk dijadikan sebagai sumber tatapan pelbagai pihak yang terdiri daripada murid, para guru bahasa Melayu, pihak sekolah, dan juga pihak kementerian. Dapatan ini boleh dijadikan sebagai panduan untuk menaik taraf kualiti PdPc golongan kata, terutama kata nama di setiap sekolah. Kajian ini juga mampu mendedahkan satu kaedah baharu untuk mengaplikasi matlamat penguasaan huruf dalam kata nama menuntut supaya pengajaran bahasa Melayu dapat membekalkan ilmu pengetahuan bahasa kepada murid untuk mengaplikasi di

peringkat sekolah menengah dan institusi kelak. Jelasnya, penguasaan huruf dalam kata nama membolehkan seseorang murid menyampaikan definisi sesuatu perkataan dan ayat agar difahami dengan mudah (Jaafar dan Haron, 2016). Dapatan kajian ini dapat membantu pelbagai pihak dalam usaha mengatasi pelbagai isu berkaitan dengan murid yang kurang menguasai penggunaan huruf dalam penulisan seperti berikut:

Murid

Kemahiran membaca, menulis dan menaakul merupakan aspek yang penting dalam penguasaan bahasa Melayu. Namun, penerapan kemahiran 3M dalam kalangan murid bukan penutur jati memerlukan teknik yang menarik supaya murid-murid dapat menguasai kemahiran ini dengan berkesan. Maka, kajian ini berfokus pada kemahiran menulis dan menaakul dalam membantu murid-murid memahami penggunaan huruf dalam kata nama yang juga merupakan komponen asas dalam penguasaan bahasa Melayu. Dengan penguasaan asas tatabahasa, iaitu golongan kata dan memahami penggunaan kata nama yang tepat dapat memberikan pencerahan kepada murid-murid untuk menghasilkan penulisan yang gramatis. Konsep dan inovasi yang diperkenalkan dapat meningkatkan motivasi dan minat murid-murid untuk mengikuti PdPc dengan berkesan.

Guru Bahasa Melayu

Pembinaan modul untuk kata nama am dan kata nama khas yang difokuskan pada aspek penggunaan huruf dapat dijadikan sebagai panduan berguna kepada warga pendidik dalam proses menjalankan PdPc yang berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendedahan konsep kata nama am dan kata nama khas hanya dimuatkan di beberapa muka surat dan kekurangan ini boleh membawa kepada pengabaian untuk

mengukuhkan penggolongan kata nama dalam kalangan murid. Implikasinya, kefahaman murid-murid akan cetek dalam asas tatabahasa, iaitu kata nama lalu menjurus kepada kekeliruan dari segi penggunaan huruf yang tepat. Maka, dengan adanya modul ini, para guru dapat memberikan pengetahuan asas bahasa Melayu dengan baik dan jelas di samping dapat mendidik anak murid yang bijak bahasa.

Ibu Bapa

Faktor ibu bapa kurang mengambil berat terhadap pembelajaran bahasa Melayu sering diungkit oleh para guru di sekolah. Kesibukan ibu bapa menjadi kekangan kepada mereka untuk meluangkan masa bersama-sama anak apatah lagi memberikan tunjuk ajar dalam pendidikan. Oleh yang demikian, inovasi Jenga KaNAK yang dibangunkan dapat memberikan peluang kepada ibu bapa untuk meluangkan masa bersama-sama anak, di samping dapat menanam minat anak mereka terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

Bahagian Pembangunan Kurikulum

Kajian ini dapat dijadikan sebagai bukti kepentingan penaakulan dan penguasaan huruf besar dan huruf kecil dalam kata nama am dan kata nama khas. Di samping itu, penguasaan murid terhadap kata nama am dan kata nama khas dapat diatasi dengan adanya buku rujukan yang memberikan penekanan kepada komponen KNA dan KNK. Maka, dalam rombakan struktur kurikulum bahasa Melayu, Bahagian Pembangunan Kurikulum boleh mempertimbangkan komponen kata nama am dan kata nama khas dengan memberikan penekanan dalam aspek penggunaan huruf dan memasukkan modul Celik Huruf dalam Kata Nama Am dan Kata Nama Khas sebagai bahan sokongan PdPc.

Definisi Operasional

Modul Celik Huruf

